

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

TARIKH : 17.11.2014

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci mengenai agihan peruntukan Kerajaan dari tahun 2009 hingga 2013 sebanyak RM560 juta untuk kemajuan dan pembangunan sekolah-sekolah Tamil. Adakah peruntukan ini telah digunakan sepenuhnya untuk mencapai sasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan semua sekolah di seluruh negara termasuk SJKT beroperasi dengan sempurna dan mendapat kemudahan yang kondusif. Selain daripada peruntukan mengurus yang diterima sama seperti sekolah-sekolah rendah yang lain, peruntukan pembangunan juga telah disalurkan untuk SJKT yang telah dikenalpasti memerlukan peruntukan segera untuk kerja-kerja penambahbaikan bangunan sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan dan penyelenggaraan yang disalurkan meliputi Peruntukan Pembangunan, Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pakej Rangsangan Khas. Melalui tiga (3) saluran peruntukan tersebut, bagi tahun 2012 dan 2013 sahaja, SJKT memperolehi sebanyak RM207.2 juta. Jumlah peruntukan yang telah disediakan tersebut telah banyak membantu menaiktaraf SJKT sedia ada.